

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6856**

**SOALAN:**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahya (Tasek Gelugor) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status dan situasi penagihan dadah di Malaysia dan status keberkesanan agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam hal ini.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**Jumlah penagih yang dikesan dari bulan Januari 2010 hingga Disember 2013 di Malaysia adalah seramai 51,715 orang dan daripada jumlah tersebut seramai 34,232 penagih baru dikesan dan 17,483 penagih berulang dikesan. Status dan situasi penagihan dadah di Malaysia boleh dilihat daripada penggunaan dadah-dadah tradisional seperti heroin, morfin candu dan ganja kepada peningkatan penggunaan dadah-dadah jenis psikotropik seperti syabu, pil-pil ATS dan kodein.**

**Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) menjadi agensi utama membanteras dadah di Malaysia. Pelaksanaan program-program AADK turut melibatkan Agensi dan Jabatan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pejabat Daerah, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak Universiti.**

**Pemantauan pelaksanaan agensi-agensi membanteras dadah telah dibuat melalui Mesyuarat Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Mesyuarat MTMD Peringkat Negeri telah berjaya mendapat komitmen dan perhatian daripada Kerajaan Negeri, Jabatan Persekutuan dan agensi penguatkuasaan terhadap usaha-usaha membanteras permasalahan dadah iaitu dari aspek**

**penguatkuasaan undang-undang dadah, pencegahan, dan rawatan dan pemulihan. Pada tahun 2014, sebanyak lapan (8) mesyuarat MTMD telah diadakan di peringkat negeri dan masing-masing satu (1) mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-Undang (JPU) dan Jawatankuasa Rawatan Perubatan dan Pemulihan (JRP).**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN : 155**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sebab-sebab Kerajaan Pusat membiayai kos RM100 juta pembinaan *Express Rail Link (ERL) KLIA 2* dengan menggunakan dana awam sedangkan syarikat tersebut milikan swasta dan mampu membiayai sendiri.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana dimaklumi, Kerajaan Pusat telah memutuskan supaya kos pembinaan sambungan ERL daripada KLIA ke KLIA2 sebanyak RM100 Juta dibiayai menggunakan dana Kerajaan. Ini bagi mengelakkan pengguna perkhidmatan tersebut daripada terpaksa menanggung peningkatan kadar tambang bagi perjalanan ke KLIA2 menggunakan perkhidmatan ERL.

Sekiranya pembinaan sambungan tersebut dibiayai oleh ERL sendiri, berkemungkinan besar kos pembinaan tersebut akan ditanggung oleh pengguna melalui peningkatan kadar tambang bagi perjalanan ke KLIA2. Dengan pembiayaan pembangunan sambungan ERL tersebut oleh kerajaan, maka kadar tambang yang dikenakan bagi perjalanan dari KL Sentral serta stesen transit lain (Salak Selatan, Putrajaya dan Salak Tinggi) ke KLIA adalah sama dengan kadar tambang bagi perjalanan ke KLIA2. Pengguna hanya dikenakan caj sebanyak RM2 bagi dewasa dan Rm1 bagi kanak-kanak bagi perjalanan antara terminal KLIA dengan KLIA2 sahaja.